

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 05 / 2008



UM - 11/5/2008

PEMINAT NOMBOR SATU...

Pasukan badminton negara menerima kejutan sehari sebelum memulakan kempen Piala Thomas dan Uber hari ini apabila dikunjungi bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di hotel penginapan mereka di Jakarta semalam.

Lawatan singkat itu memberi makna mendalam buat pemain-pemain negara, apatah lagi Dr. Siti Hasmah merupakan bekas penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan cukup terkenal sebagai 'ibu badminton negara'.

Pada pertemuan itu juga, Dr. Mahathir

dan Dr. Siti Hasmah mendoakan kemarau 16 tahun Malaysia akan berakhir di Jakarta dan pasukan negara mampu pulang dengan membawa kejuaraan.

"Sudah 16 tahun kita kemarau gelaran Piala Thomas, saya harap kemarau itu akan bertukar menjadi banjir dan kita akan membawa kemenangan yang bermakna. Pemain cuma perlu fokus kepada permainan, jangan fikirkan perkara lain dan saya doakan mereka beroleh kemenangan," kata Dr. Siti Hasmah.

Dr. Mahathir, yang kebetulan berada di Jakarta selepas dijemput untuk memberikan ceramah ilmiah sempena konvokesyen Universiti Pancasila yang

diadakan di Pusat Konvensyen Jakarta turut memberi kata-kata perangsang: "Saya mendoakan Malaysia akan pulang bersama Piala Thomas dan saya sentiasa memberi sokongan kepada mereka. Kalau boleh saya mahu berada di stadium untuk menyaksikan kejohanan ini, malangnya jadual saya terlalu sibuk dan kami terpaksa pulang ke tanah air."

- **Mingguan**

● DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sempat bertanyakan mengenai keadaan para pemain negara Piala Thomas/Uber di hotel penginapan mereka di Jakarta, Indonesia semalam.